



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

OBJEK DISYAKI SERPIHAN ANGKASA DIKESAN DI RUANG UDARA SARAWAK

PUTRAJAYA, 9 APRIL 2026 – MOSTI melalui Bahagian Penguasa Angkasa (BPAngkasa) mengesahkan telah menerima maklumat awal mengenai kenampakan objek disyaki serpihan angkasa di ruang udara Sarawak pada 7 April 2026. Setakat ini, tiada laporan rasmi mengenai penemuan serpihan di darat atau perairan.

Berdasarkan penelitian awal video tular, objek tersebut dipercayai berkemungkinan sebahagian serpihan objek angkasa (space debris) namun pengesahan lanjut masih dalam siasatan. Pemantauan sedang dijalankan secara aktif oleh BPAngkasa dengan kerjasama Agensi Angkasa Malaysia (MYSA).

Orang awam dinasihatkan agar tidak menyentuh sebarang objek mencurigakan dan segera melaporkan kepada pihak berkuasa atau talian kecemasan 999 atau terus kepada BPAngkasa di talian 03-8885 8685 atau emel bpadg@mosti.gov.my.

TAMAT

Dikeluarkan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
9 APRIL 2026**